
TRADISI SANAD DALAM ILMU QIRA'AT

Ismegawati¹, Asron Aziz²

Abstrak

Berbicara tentang cara membaca al-Qur'an maka ada disiplin ilmu yang khusus membahas tentang cara membaca al-Qur'an yaitu ilmu qira'at. Terdapat beberapa macam cara membaca al-Qur'an yang menambah seni keindahan dari al-Qur'an dan juga komprehensif dalam membimbing kehidupan manusia di manapun dan kapanpun. Tapi sayangnya sebagian besar umat Islam tidak mengetahui apalagi mengerti tentang macam-macam qira'at ini. Hal ini disebabkan karena salah satu faktornya tiap daerah di komunitas Islam hanya menggeluti salah satu dari beberapa macam qira'at al-Qur'an.

Tujuh imam qira'at yaitu Ibnu Kathir, Ibnu Amir, 'Asim, Abu 'Amr, Hamzah, Nafi' dan al-Kisa'i yang dikenal dengan *qira'at al-sab'ah* merupakan rujukan utama umat Islam dalam tata cara membaca al-Qur'an.

Tujuh imam qira'at tersebut mempunyai periwayat-periwayat yang juga menjadi rujukan umat Islam dalam cara membaca al-Qur'an dikarenakan (mungkin) imam tujuh masih ada qira'at yang masih perlu dirinci lagi sehingga memudahkan umat Islam untuk mengamalkannya dalam membaca al-Qur'an.

Kata kunci: Tradisi sanad dalam Ilmu Qiraat

¹. STIQNIS Sumenep Email: meqaelgy@gmail.com

². IIQ Jakarta Email: asronaziz@gmail.com

Abstract

Talking about how to read the Qur'an, there is a scientific discipline that specifically discusses how to read the Qur'an, namely the science of qira'at. There are several ways to read the Qur'an which add to the beauty of the Qur'an and are also comprehensive in guiding human life wherever and whenever. But unfortunately most Muslims do not know, let alone understand, the various types of qira'at. This is because one of the factors is that each region in the Islamic community only engages in one of several types of qira'at al-Qur'an.

The seven qira'at imams, namely Ibn Kathir, Ibnu Amir, 'Asim, Abu 'Amr, Hamzah Nafi' and al-Kisa'i who are known as qira'at al-sab'a are The main reference for Muslims in how to read the Koran.

The seven imams of the qira'at have narrators (as mentioned in the previous chapter) which are also references for Muslims in how to read the Qur'an because (perhaps) the seven imams still have qira'at that still need to be detailed further so that makes it easier for Muslims to practice reading the Koran.

Keywords: Sanad tradition in Qiraat Science

A. Pendahuluan

Al-Qur'an diturunkan secara berangsur-angsur dalam 23 tahun kerasulan Muhammad SAW telah mengalami satu proses yang tersendiri berbanding dengan penurunan Kitab-Kitab yang terdahulu. Jika Kitab selain al-Quran diturunkan sekaligus telah membentuk system pembelajaran yang tersendiri hasil bimbingan para Rasul, maka al-Quran yang diturunkan berangsur-angsur juga mempunyai sistem pembelajaran yang tersendiri hasil didikan Rasulullah SAW.

Pengajian al-Quran telah melalui proses yang panjang semenjak bermulanya penurunan wahyu yang pertama ke atas Rasulullah SAW. Proses penyampaian tersebut dari Jibril AS kepada Nabi Muhammad SAW dan seterusnya dari Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat dan generasi seterusnya berjaya membentuk satu sistem yang paling unggul dari sudut penerimaan dan penyampaian ilmu. Sistem pembelajaran al-Quran dalam bentuk sanad terus diwarisi oleh generasi umat Islam dan terpelihara walaupun menerima perubahan dari sistem yang muncul dari pelbagai sumber. Perkembangan pengajaran dan pembelajaran al-Quran sekaligus mengembangkan rangkaian sanad mengikut pusat pengajian tertentu.

Bacaan atau qira'at al-Quran mestilah dilaksanakan sebagaimana bacaan yang diajarkan kepada Rasulullah SAW oleh Jibrail AS. Bacaan ini disampaikan dalam bentuk yang asalnya tanpa perubahan dari satu generasi ke satu generasi secara bersemuka dan diperakui penyampaian bacaan tersebut melalui sistem pentauliahan yang dikenali sebagai sanad. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan analisis tentang sanad berfokuskan kepada pelaksanaan sistem dan elemen yang mendukung kelangsungannya sebagai metode pengajian al-Quran. Kepentingan sistem pengajian ini dapat dibuktikan dengan sejarah dan amalan yang terus terpelihara sebagai urat dalam keilmuan Islam.

B. PEMBAHASAN

Tradisi Sanad Dalam Ilmu Qira'at

a) Konsep Sanad

Sanad berasal dari kata *Sanada* yang bermaksud bersandar dan menyandarkan. Makna *Sanadun* pula bermaksud tempat sandaran.³ Istilah sanad dalam ilmu hadis dikenali sebagai rangkaian perawi-perawi hadis yang meriwayatkan dari seseorang kepada seseorang sehingga sampai kepada Rasulullah SAW.⁴ Makna sanad dalam ilmu *qira'at* yang bermakna suatu disiplin ilmu yang mengetahui cara-cara penyebutan atau pembacaan al-Quran serta cara-cara melafalkan bacaan yang sesuai, yang telah disepakati atau diperselisihkan oleh para imam *qira'at* serta dikembalikan setiap bentuk bacaan kepada penyampainya.⁵ Sanad diistilahkan sebagai rangkaian *muqri'* dari pada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnad* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qira'at*.⁶ Berkaitan di antara pengertian sanad dari sudut bahasa dan istilah jelas kerana sanad bertindak sebagai asas yang menjadi pegangan dalam disiplin keilmuan tersebut.

Al-Quran yang diturunkan dengan *sab'ah al-ahruf* kepada Muhammad SAW dengan pengantaraan Jibril AS. Kemudian Rasulullah SAW mengajar para sahabat dan para sahabat mengajar generasi selepas mereka. Keadaan sedemikian berterusan sehingga *qira'at* tersebut sampai kepada sepuluh orang imam dan para perawi mereka dengan jalan yang *mutawatir*⁷ dan sanad yang sahih. Seterusnya sepuluh imam

³Majma' al-Lughah al-Qahirah (2003), *Mu'jam al-Wasit*, Kaherah: Dar al-Syuruq al-Dawliyah, hlm. 453

⁴Nur al-Din 'Itir (1997), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asirah, hlm.. 33.

⁵Muhammad Mustafa Bilal (2007), *al-Zuhur al-Nadiyyah fi Syarh Matan al-Syatibiyah fi al-Qira'at al-Sab'*, Kaherah: Dar al-Fadilah, hlm. 10.

⁶Muhammad bin Muhammad, al-Jazari (2002), *Tayyibah al-Nasyr fi Qira'at al-'Asyr*, tahkik: Muhammad bin 'Abd Allah, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, hlm. 5.

⁷Syarat menjadikan bacaan al-Quran sebagai *mutawatir* berlaku apabila bacaan tersebut dihafal keseluruhannya oleh seseorang dengan jumlah yang ramai penghafalnya bahkan jika sebahagian besar sesuatu yang diriwayatkan semua bahagiannya oleh sejumlah khalayak maka akan diketahui secara mudah dan terhasillah sifat *mutawatir*.

tersebut serta perawi mereka menyebarkannya di seluruh pelosok dunia serta tersiar nama baik mereka serta dipercayai keadilan mereka oleh seluruh muslimin kerana mereka dikenali sebagai benar, amanah, baik bacaan dan teliti. Bacaan tersebut telah diterima oleh satu generasi selepas satu generasi. Dengan cara ini perkembangan konsep sanad dengan cemerlang dalam ruang pengajaran ilmu *qira'at* al-Qur'an.⁸

Sanad merupakan keistimewaan yang eksklusif umat Islam dan sunnah yang matang serta kukuh sifatnya. 'Abd Allah bin Mubarak menegaskan bahawa "*al-isnad (sanad-sanad) itu adalah sebahagian dari pada agama, kalau ia tiada, niscaya siapa saja akan berkata apa saja yang dia suka.*" "*Sanad itu senjata mukmin. Jika seseorang tidak memiliki senjata, maka dengan apakah dia ingin berperang*". Sufyan ibn 'Uyaynah meriwayatkan bahawa suatu hari Imam al-Zuhri telah membacakan satu hadis, maka aku berkata kepadanya "*berilah aku hadis itu tanpa sanadnya*". Lantas Imam al-Zuhri menjawab "*adakah engkau ingin memanjat ke bumbung tanpa menggunakan tangga*".⁹ Ibn Sirin menyatakan pendapatnya mengenai perkara tersebut dengan teorinya "*seseungguhnya ilmu ini merupakan sebahagian dari pada agama (amanah), maka perhatikanlah dari pada siapa kamu mengambilnya (mempelajarnya)*".¹⁰

Teori di atas dijadikan asas dalam penyampaian dan penerimaan ilmu agama selepas munculnya golongan yang cuba membawa ide-ide atau pemikiran luar ke dalam ajaran Islam serta bermulanya pengaruh falsafah yang meletakkan akal sebagai puncak ilmu pengetahuan. Teori tersebut juga meletakkan satu tanggung jawab keilmuan kepada setiap penyampai dan penerima ilmu agama agar merujuk sumber ilmu agama sebelum boleh disampaikan atau diterima kebenarannya.

⁸Muhammad Salim Muhaysin (t.t.), *al-Hadis*, Beirut: Dar al-Jayl, hlm. 24.

⁹Abd al-Rahman bin Abi Bakr, al-Suyuti (t.t.), *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, Beirut: Dar al Kutub al-'Ilmiyah, j.1, hlm. 94.

¹⁰Nur al-Din 'Itir (1997), *op. cit.* hlm. 55.

b) Penganugerahan Sanad

Persoalan sanad telah diperbincangkan sebagai asas yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya dalam kajian ilmu-ilmu Islam. Kandungan ajaran Islam yang secara langsung bersumberkan wahyu tidak menerima sesuatu sandaran dalam perkara yang berkaitan dengannya berdasarkan pemikiran semata-mata. Syariat Islam bukan pengalaman dan uji kaji manusia terhadap alam atau ide berdasarkan intuisi ruhani. Tradisi keilmuan Islam mempunyai konsep yang tersendiri berdasarkan sumber-sumber ilmu yang berasaskan wahyu dan kajian. Kedua-dua sumber ini telah membentuk martabat ilmu yang berbeda dari sudut kemunculannya. Ilmu wahyu diperoleh secara langsung dari Allah melalui perantara malaikat meliputi al-Quran dan hadis manakala ilmu kajian berdasarkan usaha manusia mengkaji alam ciptaan Allah untuk diteliti dan menghasilkan sesuatu yang diperlukan dalam kehidupan. Pengisbatan ilmu mestilah gabungan pendengaran mewakili ilmu *sam'iyat* dalam akidah, penglihatan mewakili ilmu yang diperolehi dari alam secara visual dan hati atau akal mewakili ilmu yang diperolehi melalui kajian yang mendalam. Begitu juga dalam kepelbagaian ilmu, gabungan ketiga-tiga sumber ilmu tersebut membentuk ilmu yang sempurna ke arah jalan yang lurus.

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya. (Surah al-Isra' (17): 36)

Istilah sanad berkait rapat dengan ijazah yang merupakan suatu pemberian daripada seorang guru kepada muridnya yang berkeelayakan sebagai pengakuan (*taqirir*) bagi yang mengesahkan atau mengakui bahwa muridnya itu telah selesai dalam pengajiannya serta layak dianugerahkan ijazah. Ijazah tersebut berbentuk kata-kata pengakuan dari pada guru atau berbentuk sanad salasilah guru yang bersambung pada setiap individu tanpa terputus serta sampai kepada Rasulullah SAW secara bertulis.

Prosedur yang digunakan dalam penganugerahan sanad sangat teliti dan ketat. Keadaan ini dipengaruhi oleh rasa keimanan dan tanggung jawab seorang *rijal* atau *muqri'* terhadap ilmu yang disampaikan kepada *rijal* atau *qari*. Setiap *muqri'* perlu memikirkan keadaan kognitif dan afektif setiap *qari*. Kemampuan kognitif merujuk kepada kemampuannya menguasai *qira'at* dengan lengkap beserta semua khilaf di dalamnya. Dalam kata lain, setiap *muqri'* berpuas hati bahwa bacaan *qari* adalah sama atau sampai ke tahap sebagaimana bacaan yang diajarkan oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad SAW. Dari sudut afektif pula, setiap *qari* telah dibimbing akhlak dan peribadinya oleh *muqri'* dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Keperibadian seorang *qari* telah boleh terlepas dari pandangan gurunya sesuai dengan peranannya yang disebut sebagai *hamlatul al-Qur'an*.¹¹

Terdapat hanya satu cara untuk memperoleh sanad. Sanad hanya diperoleh melalui pengajian secara bertalaqqi yaitu memperoleh bacaan secara berhadapaan dengan seorang guru dan mengambil bacaan secara langsung dari mulut guru dengan melihat pergerakan mulut atau bibir guru dan guru tersebut juga memperoleh bacaan daripada gurunya dengan cara yang sedemikian. Keadaan ini terus menerus dilakukan sehingga ke peringkat para sahabat dan seterusnya Rasulullah SAW. Disiplin ini telah diwarisi dari generasi awal sebagaimana disebut oleh 'Urwah bin al-Zubayr : *"sesungguhnya qira'at al-Quran merupakan satu sunnah dari sunnah sunah Rasulullah SAW maka hendaklah kamu semua membacanya sebagaimana dibacakan qira'at tersebut kepada kamu."* Kenyataan yang sama dikemukakan oleh 'Amir bin al-Sa'bi : *"sesungguhnya qira'at al-Quran merupakan satu sunnah maka hendaklah kamu membacanya sebagaimana orang-orang terdahulu dalam kalangan kamu membacanya."*¹² Amalan tersebut telah bermula dari arahan Rasulullah SAW sendiri:

¹¹Muhammad bin al-Husayn, al-Ajurri (2003), *Akhlaq Ahl al-Qur'an*, tahkik: Muhammad 'Amr bin "Abd al-Latif, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, hlm. 77-79.

¹²Uthman bin Sa'id, al-Dani (2005), *Jami' fi al-Qira'at al-Sab' al-Masyhurah*, tahkik: Muhammad Saduq al-Jazai'ri, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, hlm. 40.

*'Ali bin Abi Talib RA berkata: "sesungguhnya Rasulullah SAW memerintahkan kamu agar membaca setiap individu dalam kalangan kamu membaca (yakni al-Quran) sebagaimana dia mengajar."*¹³

Sanad merupakan sandaran yang penting bagi seseorang dalam menerima bacaan al-Quran kerana bacaan yang bersanad boleh menolak keraguan pada bacaan tersebut dan membuktikan kesahihan bacaan yang diterima. Seseorang yang khatam al-Quran dengan tajwid yang sempurna di hadapan gurunya yang bersanad maka bacaan tersebut dikira bacaan yang bersanad sama ada dikaruniakan sanad yang bertulis atau sebaliknya. Bahkan mencari "*'uluwwual-isnad*" merupakan satu sunnah dan perbuatan yang dapat menghampirkan diri dengan Allah SWT. Ahli Hadith telah membahagikan keadaan tersebut kepada 5 bagian seperti berikut:

Pertama: Antara kandungan istilah "*'uluwwu al-isnad*" ialah hampir dengan Rasulullah SAW dari sudut bilangan *isnad* yang bersih tanpa *dha'if*. Pada zaman al-Suyuti, bilangan *isnad* sebanyak empat belas orang periwayat dari *qira'at* Ibn 'Amir dari riwayat Ibn Dhakwan dan kemudiannya menjadi lima belas bagi *qira'at* 'Asim dari riwayat Hafs serta *qira'at* Ya'qub dari riwayat Ruways.

Kedua: Hampir kepada Imam dari kalangan Imam-imam Hadith seperti al-A'masy, Husyam, Ibn Jurayj, al-Awza'i dan Malik. Keadaan yang sama berlaku dalam bidang *qira'at* dengan keadaan hampir kepada imam-imam yang tujuh. Maka keadaan yang paling tinggi yang berlaku pada hari ini bagi syeikh-syeikh dengan sanad yang bersambung dengan bacaan kepada Nafi' sebanyak 12 dan kepada 'Amir juga sebanyak 12 orang.

Ketiga: *'Uluw* dengan dinisbahkan kepada riwayat salah satu *al-Kutub al-Sittah*. Apabila seseorang meriwayatkan sebuah hadis yang jika diriwayatkan dari *tariq* salah satu kitab dari *al-Kutub al-Sittah* pasti akan berlaku *nazil* sesuatu yang diriwayatkan dari *tariq* yang lain. Sebanding dengannya jika dinisbahkan kepada sebahagian kitab yang masyhur dalam ilmu *qira'at* seperti *al-Taysir* dan *al-Syatibiyah*.

¹³Ahmad, no. hadis: 3971.

Keempat: Kematian seorang syeikh terdahulu dari rekannya yang mengambil daripada gurunya. Sebagai contoh, seseorang yang mengambil *qira'at* daripada al-Taj bin Maktum lebih '*ala* daripada seseorang yang mengambil daripada Abu al-Ma'ali bin al-Lubnan, dan daripada Ibn al-Lubnan lebih '*ala* daripada al-Burhan al-Syami sekalipun mereka bersekutu dalam mengambil *qira'at* daripada Abu Hayyan kerana terdahulunya kematian yang pertama atas yang kedua dan kedua atas yang ketiga.

Kelima: '*Uluw* dengan sebab kematian seseorang syeikh tanpa melihat kepada perkara lain atau syeikh yang lain bila berlaku. Sebagian Ahli Hadith berkata bahwa pensifatan sanad yang '*uluw* hanya berlaku setelah berlalunya kematian seseorang syeikh selama 50 tahun atau menurut Ibn Mandah 30 tahun. Dengan keadaan ini siapa yang mengambil *qira'at* dari sahabat Ibn al-Jazari lebih '*ali* dari tahun 863 kerana Ibn al-Jazari adalah orang yang paling akhir dari sudut panjang umur kerana berlalu atasnya pada masa kematiannya 30 tahun.

Dari penjelasan tersebut jelas pada pengetahuan tentang perbezaan di antara sanad yang '*Uluw* dan *Nazil* yang membentuk kritikan terhadap *Nazil* apabila *rijalnya* bukan berkeadaan lebih mengetahui, hafiz, teliti, masyhur dan wara'. Jika mempunyai ciri-ciri tersebut maka tidak ada sebarang kritikan.

Kekuatan sanad sebagai satu senjata yang kukuh adalah kesahihan terhadap sanadnya. Perkara ini telah disepakati ulama *qira'at* dan meletakkan kesahihan sanad sebagai salah satu dari pada rukun *al-qira'at* yang tiga. Keadaan ini kerana *qira'at* merupakan sunnah yang diikuti berdasarkan asas keselamatan dari sudut riwayat. Selain daripada itu, syarat kedua ialah bertepatan dengan bentuk bahasa Arab dari yang pelbagai bentuk sama yang paling fasih atau sekadar fasih kerana *qira'at* adalah sunnah yang diikuti dengan menetapkan penerimaannya serta rujukannya kepada sanad dan bukan akal atau pendapat. Rukun yang ketiga pula, bertepatan dengan salah satu *qira'at* di dalam mushaf Uthmani sekalipun hanya melalui andaian saja kerana para sahabat ketika penulisan mushaf Uthmani berijtihad dalam *rasmnya*

berdasarkan pengetahuan tentang bahasa *qira'at*.¹⁴ Kepentingan sanad dapat difahami dari inisiatif Islam yang menuntut umatnya agar berwaspada dengan sesuatu berita yang disampaikan kerana dikhawatiri kebenarannya. Ini kerana secara teorinya, setiap khabar berita yang sampai mengandung dua unsur sama ada benar atau sebaliknya. Allah s.w.t. telah memperingatkan kepada hambanya tentang perkara ini dalam Surah al-Hujurat:

Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenalinya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan. Terjemahan Surah al-Hujurat (49): 6.

Melalui peristiwa *al-'Ardah al-Akhirah* dapat difahami bahawa cara penerimaan sanad al-Quran adalah dengan membaca ayat suci al-Quran dengan sempurna bermula dari Surah al-Fatihah sehingga surah yang terakhir yaitu al-Nas di hadapan guru yang diyakini sanadnya sampai kepada Rasulullah SAW secara *talaqqi* atau *mushafahah*.¹⁵ Setelah sempurna keseluruhannya, maka guru tersebut mengijazhkannya tanda pengiktirafan terhadap kesungguhan anak muridnya dalam menerima bacaan al-Quran sebagaimana ia diturunkan. Sebagai simbol kepada pengijazahan tersebut, ada di antara para guru memberikan sehelai kertas dan ditulis sanad-sanad bacaan al-Quran yang diterimanya sehingga kepada anak muridnya. Sebagian yang lain pula cukup dengan sekadar berjabat tangan dan disandarkan dengan menyebut sanad-sanad Al-Quran yang diterimanya sehingga kepada anak muridnya. Firman Allah:

Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui. Terjemahan Surah al-Naml (27):6

¹⁴ Ahmad 'Isa al-Ma'sarawi (2006), *al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Salam, hlm. 44.

¹⁵ Abd al-Rahman bin Isma'il, Abu Syamah al-Maqdisi (2003), *op. cit.* hlm. 41.

c) Keistimewaan Sanad

Sistem pengajian al-Quran secara bersanad mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ringkasnya, keistimewaan tersebut dapat dinilai melalui:

Tradisi Ilmu Islam

Pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka atau *talaqqi* dalam semua ilmu Islam merupakan kaedah yang dipelopori oleh para Sahabat yang menuntut ilmu dari Rasulullah SAW. Para Sahabat menerima semua perkara berkaitan Islam dari mulut Rasulullah SAW ataupun mulut Sahabat yang lain bagi mereka yang tidak berpeluang mendengarnya dari Rasulullah SAW secara langsung. Tradisi berterusan kepada beberapa generasi seperti dalam bidang *qira'at*, hadis dan fikih. Dalam bidang hadis telah terpakai istilah *haddatsana* atau *akhbarana* yang menunjukkan hubungan bertatap muka di antara guru dan murid. Begitu juga dalam bidang fikih yang melahirkan karya-karya imam mazhab yang ditulis oleh murid-murid mereka seperti Kitab *al-Umm* hasil karya Imam al-Syafii yang ditulis oleh muridnya al-Buwayti tetapi disandar kepada al-Rabi' bin Sulayman dan Kitab *al-Mudawwanah al-Kubra* hasil fatwa Imam Malik yang diriwayatkan oleh Imam Sahnun bin Sa'id al-Tanuji daripada Imam 'Abd al-Rahman bin al-Qasim al-'Utaqi.

Ketulenan *qira'at*

Penurunan al-Quran ke pada Nabi Muhammad SAW melalui perantara Jibril AS adalah *qira'at* atau bacaan dan bukan tulisan. Sesuatu yang tidak berubah adalah *qira'at* tersebut yang dinilaidari sebutan setiap huruf, perkataan dan ayat. Semua perkara tersebut mesti terpelihara sebagaimana asal *qira'at* yang diajarkan oleh Jibril AS kepada Rasulullah SAW tanpa sembarang perubahan. Sebab itu terdapat bacaan yang hanya boleh diterima berdasarkan *talaqqi* seperti bacaan *gharib* yang berbeza di antara sebutan dan tulisan.

Bimbingan berterusan

Konsep talaqqi akan membentuk bimbingan yang berterusan seorang guru (*muqri'*) terhadap muridnya (*qari*) kerana seorang murid akan mendengar dan memperdengar *qira'at* secara menyeluruh dari awal al-Quran sehingga penghujungnya. Tempoh yang diperlukan untuk menamatkan satu pengajaran dan pembelajaran *qira'at* yang lengkap memakan masa beberapa tahun. Bahkan lebih daripada itu, terdapat guru yang mengajar muridnya lebih daripada sekali tamat tetapi beberapa kali yang pasti akan melahirkan pengalaman dan ilmu serta bimbingan yang baru. seterusnya keadaan ini dapat membentuk hubungan yang terus di antara murid dan gurunya.

d) Otentisitas Sanad Dalam Qira'at 'Asyrah

Sanad yang shahih, adalah salah satu syarat diterimanya sebuah *qira'at*.¹⁶

Akan tetapi

Para ulama masih mendiskusikan hal ini, apakah cukup dengan keshahihan sanad saja atau harus mutawatir,¹⁷ mengingat salah satu keistimewaan al-Qur'an dibandingkan dengan hadits adalah bahwa ia harus mutawatir. Sebaliknya mereka yang mencukupkan dengan keshahihan sanad, menambahkan catatan bahwa *qira'at* tersebut juga harus masyhur di kalangan ulama *qira'at*.

Al-Jazari berkata: "...dan sebagian metaakhirin mensyaratkan tawatur dalam bagian ini, dan belum merasa cukup dengan hanya keshahihan sanad, kemudian menganggap bahwa al-Qur'an haruslah mutawatir, tidak ada ruang untuk ahad. Maka ini akan berujung pada penyembunyian apa-apa yang datang di dalamnya (al-qur'an). Apabila kita menjadikan kemutawatiran sebagai syarat disetiap huruf yang berbeda yang datang dari setiap imam tujuh, hilanglah kebanyakan dari huruf-huruf tersebut."¹⁸

Dari penjelasan diatas, para pakar dan peneliti sepakat bahwa tawatur tidak menjadi syarat diterimanya suatu *qira'at*, karena tidak ada dalil yang menyatakan

¹⁶ Abu 'Amr ad-Dani, *At-Taisit fi al-Qira'at as-Sab'*, hal. 6.

¹⁷ *Qira'at 'Asyrah* ialah *qira'at* yang disandarkan kepada sepuluh orang ahli *qira'at*, yaitu tujuh orang dalam *qira'at sab'ah*, ditambah dengan tiga orang lagi, yaitu Yazid ibnu Qa'qa (130 H), Ya'qub bin Ishaq (205 H) dan Khalaf bin Hisyam (299 H).

¹⁸ Ibnu al-Jazari, 1/18.

demikian. Dan karena Rasulullah SAW sendiri pernah mengirim perwakilan satu orang dari sahabatnya untuk mengajarkan al-Qur'an ke berbagai wilayah. Lalu mereka yang diajarkan membaca dan beramal dengan apa-apa yang diajarkan oleh sahabat.

Berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh al-Jazari beserta penjelasannya, as-Suyuthi membagi qira'at dari segi sanadnya menjadi 6 macam, yaitu:

1. Qira'at Mutawatir
2. Masyhur, yang tidak mencapai derajat mutawatir
3. Ahad, yaitu yang shahih sanadnya, tidak sesuai dengan rasm mushaf, atau tidak sesuai dengan kaidah bahasa Arab, atau tidak masyhur
4. Syadz, yaitu yang tidak shahih sanadnya
5. Maudlu', yaitu yang dibuat-buat
6. Mudraj, yaitu bacaan sisipan dan tambahan seperti contoh qira'at yang tidak sesuai dengan rasm utsmani.¹⁹

e) Perbedaan Qira'at 'Asyrah as-Sughra dan Qira'at 'Asyrah al-Kubra

Sebelum membahas perbedaan antara qira'at asyrah as-sughra dan al-kubra, marilah kita pahami perbedaan antara qira'at, riwayat dan thariq.

- Qira'at adalah bacaan yang disandarkan kepada salah satu imam qira'at yang sepuluh.
- Riwayat adalah yang dinisbatkan kepada seseorang yang mengambil bacaan dari imam qira'at yang sepuluh. Dan dia disebut perawi.
- Thariq adalah yang dinisbatkan kepada seseorang yang mengambil bacaan dari perawi.

misalnya, qira'at yang kita baca adalah 'qira'at Hafs 'an Ashim min thariqi as-Syatibiyah, artinya Qira'at yang melalui jalur (thariq) sanad imam Syatibi, yang diriwayatkan oleh imam Hafs, yang mengambil bacaan imam 'Ashim.

¹⁹ Jalaluddin as-Suyuthi, 1/257

As-Syatibi dalam kitabnya Hirzul Amani, hanya membatasi satu thariq dari setiap perawi qira'at asyrah. Dan telah kita ketahui bahwa Abu Amr ad-Dani dalam kitabnya at-Taisir telah menyederhanakan para perawi dari setiap imam qira'at sab'ah menjadi 2 pada setiap imam.

Sedangkan al-Jazari dalam kitabnya Thayyibat an-Nasyr memilih dari setiap perawi dua thariq, dan dari setiap thariq dua thariq yang lain. Maka seluruh thariqnya berjumlah 80 thariq. Kemudian bercabang lagi menjadi 980 lebih.

Kebanyakan dari umat Islam diseluruh penjuru dunia memakai thariq as-Syatibiyah karena ia lebih mudah. Sebab tiap perawi hanya memiliki satu thariq. Adapun thariq dari Thayyibat an-Nasyr, maka tidak ada yang memilihnya kecuali para spesialis di bidang ilmu qira'at.

Jadi dalam istilah ilmu qira'at, apabila seorang qari telah membaca qira'at 'asyrah dari thariq as-Syatibiyah maka qira'atnya disebut qira'at 'asrah as-sughra. Dan apabila ia membacanya dari thariq al-Jazari di thayyibat an-Nasyr maka disebut qira'ah aasyrah as-sughra.

Al-Qira'at al-Asyr al-Kubra ialah bacaan sepuluh yang besar yang disandarkan kepada sepuluh imam qurra yang terkenal yaitu: Imam Nafi, Imam Ibnu Katsir, Imam Abu Amr, Imam Ibnu Amir, Imam Ashim, Imam Hamzah, Imam Al-Kisai, Imam Abu Ja'far, Imam Ya'kub dan Imam Khalaf al-Asyir. Bacaan ini telah dihimpunkan oleh Imam Ibnu al-Jazari dalam matannya (sya'ir) yang disebut dengan matan al-Jazariah.

Sedangkan al-Qira'at al-Asyr al-Sughra ialah bacaan-bacaan sepuluh yang kecil. Bacaan-bacaan yang disandarkan kepada sepuluh imam qurra' yang sama tetapi gabungan dari dua sumber yaitu: al-Qir'at as-Saba (7) dan al-Qira'at al-Thalath (3). Al-Qir'at as-Saba adalah bacaan-bacaan yang disandarkan kepada tujuh imam al-Qura' yaitu: Imam Nafi, Imam Ibnu Katsir, Imam Abu Amr, Imam Ibnu Amir, Imam Ashim, Imam Hamzah, Imam Al-Kisai. Bacaan ini telah dihimpun oleh Imam al-Syatibi dalam matannya (sya'ir) yang disebut matan al-Syatibi.

f) Sanad Pengajian al-Quran

Qira'at Imam 'Asim

Penyampaian dan penerimaan *qira'at* al-Quran semenjak penurunannya diakui hanya melalui *talaqqi* dan diambil langsung oleh seorang imam yang telah membentuk satu konsensus masyarakat Islam menerima *qira'at* imam tersebut dan diakui sandarannya kepada imam tersebut. Kemudian imam telah membentuk *qurra'* yang ramai dan bertebaran dan silih berganti melahirkan pula *tabaqat* yang masyhur pada setiap peringkat sehinggalah kepadakemunculan *qira'at sab'ah*. Dalam peringkat inilah *qira'at* Imam 'Asim sebagai salah satu *qira'at sab'ah* masyhur di Kufah semenjak tahun 200 H.²⁰

Nama Imam 'Asim ialah 'Asim bin Abi Najud al-Asadi. 'Asim merupakan seorang *qari* yang cukup teliti dan sempurna bacaannya serta mempunyai suara yang baik. Beliau membacaaal-Quran dari Zirr bin Hubaysh daripada 'Abd Allah bin Mas'ud daripada Rasulullah SAW. Beliau meninggal dunia pada tahun 127H. *Qira'at* beliau pula diterima dan diriwayatkan oleh Syu'bah dan Hafs secara langsung tanpa perantaraan. Hafs anak tiri 'Asim yang dipelihara semenjak kecil pula meninggal dunia pada tahun 180 H manakala Syu'bah telah meninggal dunia pada tahun 193H.²¹ Kemasyhuran *qira'at* Imam 'Asim berterusan dan menjadi pilihan kerana *qira'at* ini paling dominan diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia dan seluruh dunia semenjak zaman awal Islam. Menurut Abu al-Hasan, masyarakat telah memilih *qira'at* 'Asim dan Nafi dalam perkara yang disepati oleh kedua-duanya ke atas *qira'at* tersebut. Masyarakat berpendapat *qira'at* kedua-dua imam ini merupakan *qira'at* yang paling sahih dan fasih dari sudut bahasa Arab.²²

Sanad Imam 'Asim

²⁰Muhammad 'Abd al-'Azim, al-Zurqani (2001), *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Ma'arif, j.1, hlm. 368.

²¹Muhammad bin Ahmad, al-Zahabi (1988), *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-I'sar*, tahkik: Syu'ayb al-Arna'ud, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, j.1, hlm. 141.

²²Lihat Abu Syamah al-Maqdisi (2003), *op. cit.* hlm. 134.

Sanad *qira'at* Imam 'Asim bersambung sehingga sampai kepada Rasulullah SAW dapat diperhatikan dari jadual di bawah:

Jadwal 1: *Tariq Syu'bah*

Rasulullah SAW

'Abd Allah bin Mas'ud

Abu Maryam Zirr bin Hubaysh

'Asim al-Kufi

Abu Bakr Syu'bah bin 'Ayyasy bin Salim al-Kufi al-Asadi

Jadwal 2: *Tariq Hafs*

Rasulullah SAW

'Abd Allah bin Mas'ud

Abu Maryam Zirr bin Hubaysh

'Asim al-Kufi

Hafs bin Sulayman bin al-Mughirah al-Asadi al-Kufi al-Ghadiri al-Bazzaz.

Tariq al-Syatibiyah dan al-Jazariyah

Perkara utama yang perlu dikemukakan dalam mengkaji sanad *qira'at* Imam 'Asim ialah jalur sanad selepasnya yang membina satu rangkaian sanad yang berterusan. Sanad al-Syatibi dan Ibnal-Jazari telah membina *tariq* sanad yang seterusnya serta membentuk gabungan *qira'at saba'hdan qira'at 'asyarah*.

Imam al-Syatibi ialah al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ruayni al-Syatibi al-Andalusi. Ia mempunyai dua gelaran yaitu Abu Muhammad dan Abu al-Qasim. Al-Syatibi dilahirkan pada tahun 538 di Syatibah yaitu satu kota di timur Andalus. Ahli sejarah yang menulis berkaitannya mengatakan bahawa ia adalah seorang buta. Walaupun begitu mereka menyifatkannya sebagai *shatibiy* yang bermaksud tidak mengenali orang yang duduk bersamanya tetapi orang tersebut tidak syak dan ragu bahwa al-Shatibi melihat dengan kepintarannya dan tidak sekali-kali terdapat tanda-tanda bahwa ia adalah seorang buta. Salah seorang menteri Salahuddin

bin al-Ayyubi iaitu al-Qadhi 'Abd al-Rahim bin 'Ali al-Baysani mempunyai kepekaan dalam bidang bahasa dan sastera adalah antara orang yang mendapat tempat di hatinya dan memandang tinggi terhadap al-Imam al-Syatibi. Al-Qadi 'Abd al-Rahim memuliakan al-Syatibi dengan sewajarnya lantaran mengetahui keilmuan, kelebihan dan akhlak terpuji yang dimilikinya. Beliau telah menjemput al-Syatibi untuk mengajar al-Quran, bahasa, nahu dan hadith di madrasah keluarganya.²³ Al-Syatibi telah menghimpun *qira'at saba'h* dalam *Matan al-Syatibiyah* yang dikenali sebagai *Hazr al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab'ah*.²⁴

Ibn al-Jazari ialah Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf al-'Umri al-Dimasyqi yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Jazari. Ibn al-Jazari lahir pada malam Sabtu 25 Ramadhan 751 H di Damsyik dan meninggal pada tahun 833H. Ibn al-Jazari dibesarkan ditempat lahirnya di Damsyik. Ayahnya seorang peniaga yang baik dan amat mengambil perhatian tentang ilmu. Justeru itu, beliau telah memberi didikan hafazan al-Quran kepada Ibn al-Jazari secara bertajwid. Dalam pengajian ilmu *qira'at*, antara gurunya ialah Syeikh Abu Muhammad 'Abd al-Wahhab, Syeikh Ahmad bin Ibrahim al-Tham, Syeikh Ahmad bin Rajab, manakala Syeikh Ibrahim al-Hamami dan Abu al-Ma'ali Muhammad bin Ahmad al-Lubnani. Beliau telah menghasilkan kitab *al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr* yang menghimpunkan *qira'at* sepuluh imam dan kemudiannya menyusunnya dalam matan *Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*.²⁵

Al-Jazari dengan kesungguhannya telah berusaha dengan segigihnya untuk mengumpul kembali semua sanad-sanad *qira'at* al-Quran di zaman beliau. Beliau telah menemui semua *qurra'* yang mempunyai sanad-sanad *qira'at* al-Quran dan menapisnya semula untuk memastikan kesahihannya. Beliau telah berjaya mengemukakan *qira'at* Tujuh yang telah diusahkan oleh Imam al-Dani terdahulu daripadanya. Al-Jazari sendiri telah mengesahkan adanya 3 lagi *qira'at* yang

²³ Al-Zahabi (1988), *op. cit.*, j. 2, hlm. 531.

²⁴ Muhammad Mustafa Bilal (2007), *op. cit.* hlm. 4-5.

²⁵ Muhammad Salim Muhaysin (t.t.) *op. cit.* hlm. 15.

mutawatir sampai kepada Rasulullah SAW yang masyhur dengan istilah *qira'at 'asyarah*.

Imam Ibnul Jazari menerima Riwayat Thariq As Syathibiyah dan At Taisir dari para tokoh qira'at. Beliau menerima thariq At-Taisir dari Asy Syaikh Muhammad bin Ahmad Al Laban Addi Misyqa. Asy Syaikh Al Laban mengatakan dia membaca kitab At Taisir dari Abi Ja'far Ahmad bin Yusuf. Abi Ja'far Ahmad bin Yusuf mengatakan aku membacanya pada Ali Abil Hasan bin Amr AL Andalusi. Abil Hasan bin Amr AL Andalusi mengatakan aku membacanya pada Al Qadhi Abi Akhwah. Al Qadhi Abi Akhwah mengatkan aku membacanya pada Sulaiman Ibnu Najah. Sulaiman Ibnu Najah mengatakan aku membacanya pada penyusunnya yaitu imam Abu Amr Ad Dani. Adapun kitab Asy Syatibiyah Ibnul Jazari menerima dari Muhammad bin Rafi' dari Al Kamal Adh Dharir dari penyusunnya Imam Asy Syathibil. Imam As Syathibi menerima kitab At Taisir dari Abil Hasan Ali bin Mazid dari abu Amr Ad Dani. Sedangkan jalur yang menyambung thariq-thariq yang ada ke qira'at imam sepuluh dan rawi-rawinya sudah sedemikian tersebarunya dan sangat populer. Sampai puncaknya dikatakan bahwa:

Imam pertama Nafi' bin Abi Na'im Al Madani membaca pada 70 Tabi'in diantaranya adalah Yazid bin Al Qa'qa', Syaibah bin Nashah, Abdur Rahman bin Hurmus. Mereka bertiga menerima bacaan dari Abdullah bin Abbas dari Ubai bin Ka'ab dari Rasulullah Saw.

Imam kedua adalah Abdullah Ibnu Katsir Al Makki, beliau membaca pada Abdullah bin As Saib Al Makhzumi Al Anshari dan pada Dirbas dari pada Abdullah bin Abbas, dan dia pada Ubai bin Ka'ab dan Zaid bin Tsabit dari Rasulullah Saw.

Imam ketiga Abu Amr bin Al A'la Al Bashri membaca pada Sa'id bin Juber dari Ibnu Abbas dari Rasulullah Saw.

Imam keempat Abdullah Ibnu Amir Ad Dimisyqa At Tabi'I membaca pada Al Mughirah bin Abi Syihab dari Utsman bin Affan dari Rasulullah Saw.

Imam Kelima Ashim bin Abin Najud Al Kufi membaca pada Abdullah bin Habib As Sulami dan Hubaisy. Hubaisy membaca pada Utsman bin Affan dari Rasulullah Saw.

Imam keenam Hamzah bin Habib Azziyat Al Kufi' membaca pada Abi Muhammad Al A'masy dari Yahya bin Wasat dan Yahya dari Al Qamah dan Al Qamah dari Ibnu Mas'ud dari Nabi Saw.

Imam ketujuh Ali Al Kufi An Nahwi Al Kisai membaca pada Hamzah Azziyat yang telah telah diuraikan sanadnya di atas.

Imam kedelapan Abu Ja'far Al Madani membaca pada Abdullah bin Abbas Al Hasyimi dari Ubai bin Ka'ab dari Nabi Saw.

Imam kesembilan Ya'qub Al Hadhrami membaca pada Abu Amr Al Bashri yang sanadnya sudah diuraikan di atas.

Imam kesepuluh Khalaf Al Bazzar membaca pada Sulaim dari Hamzah yang sudah diuraikan sanadnya di atas.

Mereka semua sanadnya bersambung kepada Rasulullah Saw dari Jibril dari Al Lauhil Mahfuzh Al Mubin dari Rabbil 'Alamin.²⁶

Sanad Qari dan Muqri'

Sanad *qira'at* al-Quran dapat ditemui dari beberapa orang guru al-Quran yang berkhidmat secara aktif dalam pengajian al-Quran. Sanad tersebut adalah lengkap sehingga sampai jalur sanadnya kepada Rasulullah SAW. Di bawah ini dikemukakan satu sanad yang lengkap sampai kepada Rasulullah SAW dari pusat pengajian **al-Quran al-Jawhari**. Sanad tersebut ialah: *Tariq* sanad : Ijazah bacaan al-Quran dari awal al-Fatihah hingga akhir surah al-Nas dengan riwayat Hafs bin Sulaiman daripada 'Asim bin Abi Najud al-Kufi *tariq* al-Syatibiyah dengan *tariq* Qasr *al-Munfasal* dan *Tawassut* kepada *mujaz* Khairuddin bin Said dan *mujiz* Jamaluddin bin

²⁶ Muslim Salim, *Ilmu Qira'at Tujuh Bacaan Al-Qur'an Menurut Tujuh Imam Qira;at dalam Thariq Asy Syathibiyah*, (Jakarta: Majelis Kajian Ilmu-Ilmu Al-Qur'an, 2007), Hlm. 12

Adam melalui sanad bacaan al-Quran yang telah diterima dari **al-Fadilah Syeikh ‘Abd Allah bin al-Jawhari bin ‘Ali** cucu Sayyid al-Jawhari telah bertalaqqi dari Syeikh ‘Amir bin al-Sayyid bertalaqqi dari Syeikh Hammam bin Qutb bin ‘Abd al-Hadi bertalaqqi daripada Syeikh ‘Ali Sabi’ bin ‘Abd al-Rahman bertalaqqi dari Syeikh Hasan Badir yang bertalaqqi *qira’at al-‘asyarah* dari al-Syatibi dari Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Syahir bi al-Mutawalli, beliau bertalaqqi dengan Syeikh Ahmad al-Durr al-Maliki beliau bertalaqqi dari Syeikh Ahmad Salmunah yang bertalaqqi dengan Syeikh Ibrahim al-‘Ubaydi beliau bertalaqqi daripada Syeikh ‘Abd al-Rahman al-Ajhuri al-Makki dan Sayyid ‘Alial-Badri beliau bertalaqqi daripada Syeikh Ahmad al-Asqati dan Syeikh Muhammad al-Azbakari dan Syeikh Mahfuz dan Syeikh ‘Abd Allah al-Maghibi dan Syeikh ‘Abduh al-Suja’aibeliau bertalaqqi dari Syeikh Ahmad al-Baqari dan al-‘Allamah Syeikh Ahmad al-Isqatibeliau bertalaqqi dari Syeikh Abu al-Nur al-Dimyati dan beliau bertalaqqi dari 114 Muhaqiq Syeikh al-Banna dan Syeikh Ahmad Sultan al-Muzahi beliau bertalaqqi dari Ahmad Sultan ‘Ali Sayf al-Din al-Basir dan Syeikh al-Sunbati dan bertalaqqi dari Syeikh Muhammad al-Azbakari bertalaqqi dari Muhammad al-Baqari bertalaqqi dari Mahfuz bertalaqqi dari ‘Ali al-Ramli dan bertalaqqi dari Syeikh ‘Abd Allah al-Syimati bertalaqqi dari banyak Tuan Guru di antara Syeikh ‘Abd al-Khaliq al-Syimazi yang bersambung sanad dengan Syeikh al-Islam Syeikh ‘Abd Allah al-Habthi dan bersambung sanad dengan Abu ‘Amr al-Dani dan bertalaqqi dari Syeikh Sajadah dan dari Syeikh al-Nasiral-Din Muhammad Salam al-Thablawi dan bertalaqqi al-Sunbati dan al-Thablawi dari al-Nur ‘Ali bin Muhammad Khalil bin Syeikh al-Islam Zakariyya al-Ansari bertalaqqi dari Syeikh Muhammad al-Nuwayri dan dari Syeikh Syams al-Din bin Muhammad bin al-Jazari bertalaqqi dari al-Mawla al-Taqi Muhammad bertalaqqi dari Najil Salim bin ‘Ali dari Imam al-Syatibi dari Muhammad bin Hadil dari Abu Sulayman bin Najh dari al-Hafiz Abu ‘Amr al-Dani bertalaqqi dari Abu al-Hasan Tahir bin Ghalbun al-Muqri’ dari Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Salih al-Hasyimi dari Abu al-Abbas Ahmad bin Sahil al-Asynani dari Abu Muhammad bin

'Ubayd bin al-Sabbah dari Imam Hafs bin Sulaiman bin al-Mughirah al-Asadi al-Kufi dari Imam 'Asim bin Abi al-Najud al-Kufi dari Abu 'Abd al-Rahman 'Abd Allah bin Habib al-Sulami dan Zirrin Habasy al-Asadi mereka bertalaqqi dari Saidina 'Uthman bin 'Affan dan 'Abd Allah bin Mas'ud r.a.. Manakala Abu 'Abd al-Rahman bin Habib al-Sulami juga bertalaqqi dari Saidina 'Ali bin Abi Talib dan 'Ubay bin Ka'ab serta Zayd bin Thabit r.a.. Manakala kelima Sahabat r.a. bertalaqqi dari Rasulullah SAW dan Baginda pula bertalaqqi dari Jibril a.s. dari Luh al-Mahfuz dari Allah. Teknik penerimaan sanad secara hafazan mengikut dan menepati *lahjah* Arab, menguasai dan faham *rasm* Utsmani.

Kekeliruan dalam Pengajaran al-Quran Bersanad

Pertama: Penganugerahan sanad dari seorang *muqri'* kepada *qari* dalam tempo yang singkat. Terdapat seseorang murid yang hanya belajar selama sebulan saja dan terus dianugerahkan sanad secara tertulis tanpa bimbingan yang berterusan atau pengajaran yang lebih menyeluruh. Keadaan ini akan menghasilkan beberapa kekurangan dari sudut kekuatan bacaan seseorang murid dan peneguhan yang kurang berkesan.

Kedua: Bayaran yang dikenakan oleh seseorang guru kepada murid. Keadaan ini akan menghilangkan nilai utama dalam pengajian al-Quran yang berteraskan khidmat kepada al-Quran dan bukan keuntungan dunia semata-mata. Pembayaran juga bisa menimbulkan bimbingan yang kurang tulus dari kedua-dua belah pihak yang mempunyai kepentingan tersendiri.

Ketiga: Sijil sanad yang boleh diperolehi tanpa *talaqqi* secara menyeluruh dari awal surah al-Fatihah sehingga ke surah yang terakhir Surah al-Nas. Keadaan ini berlaku apabila seseorang murid hanya membaca beberapa surah dan guru berpuashati dan memberi pengiktirafan secara tertulis dalam bentuk sanad.

C. KESIMPULAN

Sanad merupakan salah satu mekanisme yang ampuh dalam penjagaan al-Quran sebagai wahyu yang berkekalan. Pengajian dengan kaedah tersebut masih relevan dalam perkembangan dunia pendidikan di mana sahaja. Usaha yang berterusan dari semua pihak yang terlibat dengan *qiraat* al-Quran khasnya dan ilmu al-Qur'an umumnya perlu terus digembeling untuk memastikan ketulenan al-Quran dari sudut *qiraatnya*. Kelangsungan pelaksanaan dan amalan terhadap sistem sanad merupakan satu bonus kepada survival sistem pendidikan Islam dalam dunia yang semakin berkembang dengan inovasi dan teknologi yang memandu hidup manusia.

Daftar Pustaka

- Ajurri, Muhammad bin al-Husayn, al- (2003), *Akhlaq Ahl al-Qur'an*, tahkik: Muhammad 'Amrbin "Abd al-Latif, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Dani, 'Uthman bin Sa'id, al- (2005), *Jami' fi al-Qira'at al-Sab' al-Masyhurah*, tahkik: Muhammad Saduq al-Jazai'ri, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Jazari, Muhammad bin Muhammad, al- (2002), *Tayyibah al-Nasyr fi Qira'at al-'Asyr*, tahkik: Muhammad bin 'Abd Allah, Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Ma'sarawi, Ahmad 'Isa al- (2006) *al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Majma' al-Lughah al-Qahirah (2003), *Mu'jam al-Wasit*, Kaherah: Dar al-Syuruq al-Dawliyah.
- Maqdisi, 'Abd al-Rahman bin Isma'il, Abu Syamah al- (2003), *al-Mursyid al-Wajiz ila 'Ulumata 'allaq bi al-Kitab al-'Aziz*, tahkik: Ibrahim Syams al-Din, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (1988), *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat wa al-I'sar*, tahkik: Syu 'ayb al-Arna'ud, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Muhammad Mustafa Bilal (2007), *al-Zuhur al-Nadiyyah fi Syarh Matan al-Syathibiyah fi al-Qira'at al-Sab'*, Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Muhammad Salim Muhaysin (t.t.) *al-Hadi*, Beirut: Dar al-Jayl. Nur al-Din 'Itir (1997), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulm al-Hadith*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asirah.
- Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr, al- (t.t.), *Itqan fi 'Ulm al-Qur'an*, tahkik: Muhammad Ibrahim, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- _____ (t.t.), *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Muslim Salim, *Ilmu Qira'at Tujuh Bacaan Al-Qur'an Menurut Tujuh Imam Qira'at dalam Thariq Asy Syathibiyah*, (Jakarta: Majelis Kajian Ilmu-Ilmu Al-Qur'an, 2007)

Zahabi, Muhammad bin Ahmad, al- (1988), *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Tabaqat waal-I'sar*, tahkik: Syu'ayb al-Arna'ud, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Zurqani, Muhammad 'Abd al-'Azim, al- (2001), *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Ma'arif.